



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : pro.kkm.moh@1govuc.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

“Kematian Akibat Denggi Terus Berlaku”

Pada minggu ke 18 iaitu dari 27 April hingga 3 Mei 2014, satu lagi kematian dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat denggi adalah sebanyak 67 kematian berbanding hanya 15 kematian yang dilaporkan pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 52 kematian (347 %).

Untuk tempoh sama, sebanyak 1,133 kes denggi dilaporkan meningkat 16% berbanding hanya 974 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat sebelas (11) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 59 kes, Johor 37 kes, Negeri Sembilan 33 kes, Sarawak 16 kes, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 12 kes, Pulau Pinang lapan (8) kes, Melaka tujuh (7) kes, Terengganu lima (5) kes, Sabah empat (4) kes, Kedah tiga (3) kes dan Perlis dua (2) kes.

Pada minggu ke 18, sejumlah 272 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 11 negeri dan daripada jumlah tersebut, 31 lokaliti adalah merupakan lokaliti *hotspot* dan 22 lokaliti merupakan *wabak tak terkawal*.

Pemantauan KKM menunjukkan dari Januari hingga 3 Mei 2014, sejumlah 30,921 kes denggi telah dilaporkan diseluruh negara berbanding dengan hanya 8,375 kes dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2013, peningkatan sebanyak 269 peratus. Pada masa ini secara keseluruhannya kes denggi di seluruh negara masih berada dalam tren penurunan bagi

tempoh dua bulan ini dan adalah diharapkan supaya segala usaha-usaha semasa dipergiatkan supaya kejadian kes dapat diturunkan seperti diharapkan.

Hasil analisa KKM mendapati daripada 104,618 premis yang telah diperiksa pada minggu lepas, sejumlah 1,292 premis telah didapati membiakkan Aedes dengan Kadar Pembiakan Aedes (Aedes Indeks) sebanyak 1.5%. Jika tempat-tempat pembiakan ini dibiarkan nescaya ianya akan menyebabkan kejadian kes denggi berlarutan dan mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan wabak denggi. Antara kawasan yang dikenalpasti mempunyai pembiakan Aedes yang tinggi adalah kilang, lot-lot kosong, tanah perkuburan, sekolah, tapak bina, taman rekreasi, kawasan awam, perumahan terbengkalai dan tempat pembuangan sampah.

Justeru itu, orang ramai terutamanya yang berada di kawasan wabak perlu mengambil sikap yang proaktif untuk membersihkan dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Saling ingat mengingatkan supaya bersama turut serta dalam aktiviti pencegahan denggi dikawasan anda. Tidak ketinggalan, masyarakat juga perlu memastikan kawasan-kawasan seperti tanah perkuburan dan tanah terbiar adalah bebas dari menjadi punca pembiakan Aedes. Untuk mewujudkan persekitaran yang sihat masyarakat perlulah bersatupadu bagi memerangi denggi. Masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan denggi dan aktiviti yang dijalankan di laman sesawang www.facebook.com/kkmcprc.

YBHG. DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

6 Mei 2014

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2014
(27 April hingga 3 Mei 2014)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2014	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2013
		Minggu 18 (27 April – 3 Mei 2014)	Minggu 17 (20 – 26 April 2014)		
1	Perlis	3	1	62	50
2	Kedah	18	15	255 (2)	259 (1)
3	P. Pinang	25	17	665 (3)	235
4	Perak	62 (1)	63	2,119 (7)	703
5	Selangor	636	577	17,510 (26)	3,582 (1)
6	WPKL & Putrajaya	92	80	2,669 (4)	679 (4)
7	N. Sembilan	51	18	1,527 (2)	185
8	Melaka	25	18	945 (3)	161
9	Johor	74	37	1,841 (12)	876 (6)
10	Pahang	19	22	412	193
11	Terengganu	9	4	282 (1)	74
12	Kelantan	63	85	1,781 (4)	486
13	Sarawak	34	18	412 (2)	626 (2)
14	Sabah	22	18	430 (1)	266 (1)
15	WP Labuan	0	1	11	0
	MALAYSIA	1,133 (1)	974	30,921 (67)	8,375 (15)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 03 Mei 2014 (Mg 18)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	242	321
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	233	300
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B Pusat Komersial (Jln AA7/AA & AC7/AC & Jln U7/U - Z7/Z)	92	219
4	SELANGOR	Petaling	Taman Kinrara 3 (Vista Lavender)	84	152
5	SELANGOR	Hulu Langat	KUIS	28	104
6	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Cheras Utama	24	98
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Flat PKNS G (Blok 43-61)	12	90
8	SELANGOR	Gombak	Flat Prima Selayang	13	74
9	SELANGOR	Hulu Langat	Grandner Tower Pandan Indah	12	71
10	SELANGOR	Petaling	PJU 3 Apartment Parmai	23	70
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	18	64
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 Alam Budiman (Jalan Pulau Lumut)	39	63
13	SELANGOR	Petaling	Taman Sungai Besi Indah 2	6	58
14	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	11	56
15	SELANGOR	Petaling	USJ 11/2	24	56
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 Kuarters Polis (Blok 5 - Blok 12)	7	47
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 Uitm S.Alam Kolej Jati	8	47

18	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 4 Gugusan Matahari	13	47
19	SELANGOR	Gombak	Kip Sg Pusu	14	47
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	10	45
21	SELANGOR	Petaling	PJU 9 SD 9	15	43
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres E	7	42
23	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Saujana Damansara	5	40
24	SELANGOR	Petaling	SS 22	6	40
25	KELANTAN	Kota Bharu	Lorong Huda	9	39
26	KELANTAN	Kota Bharu	Tok Kenali	10	36
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 Shah Alam	7	34
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 Teres G Denai Alam	9	34
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon C (Jln 7/31 - 7/35)	8	32
30	WPKL	Lembah Pantai	PPR Sri Pantai	24	32
31	SELANGOR	Petaling	Taman Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	9	31